

30 DEC 1999

SIAS-CLOB

SIAS SAMBUT BAIK ULASAN MAHATHIR MENGENAI STATUS PENAMA CLOB

SINGAPURA, 30 Dis (Bernama) -- Persatuan Pelabur Sekuriti (Singapura) (SIAS) menyambut baik ulasan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa status penama Central Depository Pte Ltd (CDP) Singapura mungkin dilanjutkan ke atas saham-saham Malaysia yang dibekukan yang pernah diniagakan di bursa Central Limit Order Book (Clob) republik itu.

"Kami gembira mendengarnya. Ia adalah satu-satu perkara yang betul dilakukan terutamanya dengan pelabur-pelabur asing," kata presiden SIAS David Gerald ketika dihubungi.

Gerald berkata Sias juga bersedia untuk menyesuaikan cadangannya bagi pengeluaran berperingkat-peringkat saham-saham itu, yang dikatakan bernilai RM17 bilion yang dipegang di dalam kira-kira 170,000 akaun.

"Apa yang pelabur-pelabur mahu ialah menangani kebimbangan Malaysia dan dibenarkan mengurus niaga dan melabur di Malaysia. Oleh itu kami menyeru Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya melihat cadangan kami yang merupakan penyelesaian yang munasabah dan boleh diterima,"katanya.

Dr Mahathir berkata hari ini status penama CDP mungkin dilanjutkan tertakluk kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Status penama itu luput esok.

Saham-saham Clob itu dibekukan setelah Malaysia mengenakan kawalan modal berpilih-pilih pada September 1998.

Malaysia tidak pernah mengiktiraf Clob dan menyatakan jualan singkats saham-saham Malaysia di bursa tidak rasmi itu adalah sebahagiannya bertanggung jawab kerana menjunamkan bursa Kuala Lumpur itu semasa kemuncak krisis kewangan 1997-98.

Sejak itu, terdapat enam tawaran sektor swasta untuk menyelesaikan dan melepas saham-saham dibekukan itu supaya ia boleh dikeluarkan untuk dagangan di BSKL.

Bagaimanapiun, pelabur-pelabur Singapura telah menolak semua cadangan itu.

Kata Gerald: "Kami bersedia berbincang dan menyesuaikan cadangan kami untuk kepuasan Malaysia tetapi kami menjangka syarikat-syarikat swasta menjalankan apa yang telah diperuntukkan seterusnya di dalam perjanjian Scans yang persetujuan di antara Singapura dan Malaysia tidak boleh diterima oleh para pelabur."

Saham-saham itu dipindahkan oleh CDP kepada Scans (Securities Clearing Automated Network Services Sdn Bhd) di Malaysia apabila dagangan mereka diberhentikan. -- BERNAMA

TCL SA OS